

HIDUP BERJASA



57 5A

CORETAN SEMSAS

Dato' A Rahim A Hamid

82

A



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

14/10/2023
TOM
FCC

CORETAN SEMSAS HIDUP BERJASA

Dato' A Rahim A Hamid



1013965

2023




Coretan SEMSAS
Dato' A. Rahim A. Hamid

Cetakan Pertama – Mac 2023

Sempena Sambutan Perayaan Jubli Emas SEMSAS dan
Jubli Perak EXSAS, 2023

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, samada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari Persatuan Bekas Pelajar SEMSAS (EXSAS).



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-97974-0-1

Penerbit :

Persatuan Bekas Pelajar SEMSAS (EXSAS)

No. 24-1, Jalan Pulau Lumut Q U10/Q

Taman Alam Budiman, Seksyen U10

40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

www.exsas.com.my | admin@exsas.com.my

Penulis: Dato' A. Rahim A. Hamid

Editor: Tan Sri Dato' Seri Abd. Ghafar Mahmud

Reka Bentuk Kulit & Reka Letak: Azhar Aziz (Qisan)

Fotografi: Azrul Ibrahimi Mohamed Basri

Pembaca Pruf: Anuar 'Alawiyah Othman, Dato' Ir Muhammad Imran Dato'
Hj Baharuddin, Asmui Mustapha, Hamir Habeed Mohd

808.882

Coretan SEMSAS yang asal telah diterbitkan di www.exsas.com.my sejak tahun 2010 dan telah mendapat 'view' yang sangat menggalakkan dari pembaca.

Kini, versi buku menemui anda dengan tambahan satu bab serta gambar-gambar lama hasil sumbangan bekas pelajar.

Terima kasih kepada semua yang terlibat didalam usaha ini.

HIDUP BERJASA

Isi Kandungan

Prakata – *vi*

Bibliografi – *vii*

Coretan 1: Susu Magnolia Berperisa Strawberi – *1*

Coretan 2: Susu Magnolia Berperisa Strawberi (Bahagian Kedua) – *3*

Coretan 3: Hadiah buat Nora – *5*

Coretan 4: Misi Bermula – *9*

Coretan 5: Pejabat Tumpang – *13*

Coretan 6: Di Starting Block – *17*

Coretan 7: On Your Mark, Get Set, Go – *21*

Coretan 8: Pengetua Baru – *26*

Coretan 9: Kampus Baru – *32*

Coretan 10: Kampus Baru (Bahagian Kedua) – *36*

Coretan 11: The Acid Test – *44*

Coretan 12: Dunhill in Oxford – *51*

Coretan 13: Kumpulan “VIP” – *56*

Coretan 14: Kumpulan “VIP” (Bahagian Kedua) – *58*

Coretan 15: Mat Fit Kaki Tarik – *64*

Coretan 16: Kasih Seorang Ayah – *70*

Coretan 17: Rancangan Bersama – *75*

Coretan 18: Rancangan Bersama - (Bahagian Kedua) – *78*

Coretan 19: Rumah Asap dan Ayam Terbang – *83*

Coretan 20: Air oh Air – *88*

Coretan 21: Kedai Koperasi – *91*

- Coretan 22: Super Kid? – **94**
- Coretan 23: Histeria? – **98**
- Coretan 24: Royal Command – **104**
- Coretan 25: Royal Command - Bahagian Kedua – **113**
- Coretan 26: Royal Command - Bahagian Ketiga – **116**
- Coretan 27: Royal Performance – **122**
- Coretan 28: Air Cond Oh Air Cond – **126**
- Coretan 29: Permata-permata Yang Hilang – **129**
- Coretan 30: Piala Perdana Menteri – **133**
- Coretan 31: Tukar ke Tak Tukar? – **140**
- Coretan 32: Akhirnya... – **145**
- Coretan 33: Epilog (Akhir) – **150**

Prakata

KETIKA menyahut gesaan mantan-mantan Presiden EXSAS supaya Ayahanda melakarkan kenangan sepuluh tahun menerajui SEMSAS, tidak terlintas coretan itu hendak dibukukan. Oleh kerana coretan ini ditulis sebagai kenangan untuk diri sendiri dan untuk anak-anak SEMSAS, coretan ini dicatat dalam bentuk bersahaja dan santai, jauh sekali menjaga sintaksis dan tatabahasa kerana sememangnya ditulis sebagai bacaan ringan.

Catatan-catatan ini tidak mengikut urutan masa dan dicatat apabila peristiwa-peristiwa itu terlintas di benak. Semasa mencatatnya, perkara yang difikirkan bukanlah waktu berlakunya peristiwa tersebut sebaliknya yang penting ialah perkara yang berlaku. Semuanya mesti dicatatkan sebelum idea itu hilang dari *memory box*.

Beberapa watak yang mewarnai hari-hari Ayahanda di SEMSAS yang dicatat di sini walau bagaimanapun *incognito*, semata-mata memelihara *privacy* mereka yang berkenaan. Tentunya dengan merakamkan hal-hal demikian menimbulkan berbagai perspektif pembaca terhadap penulis. Namun peristiwa itu adalah realiti. Kepada yang tersentuh nurani, tercuai sanubari, maafkan Ayahanda.

Terima kasih kepada semua yang berusaha membukukan memoir ini. Semoga kenangan-kenangan yang diimbau dalam penulisan ini membuatkan kita senyum bersama. Terima kasih Tan Sri Dato' Seri Abd. Ghafar bin Mahmud dan pasukannya.

Ayahanda.

Bibliografi



Sumber gambar: Hasnah (Bas 73-77)

Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Hamid adalah individu yang instrumental dalam penubuhan Sekolah Menengah Berasrama Penuh yang pertama di negeri Pahang iaitu Sekolah Menengah Sains Pahang (SMSP) yang kemudiannya diberi nama Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS).

Dato' Haji Abdul Rahim terkenal dengan panggilan mesra **Ayahanda** dalam lingkungan keluarga besar SEMSAS-EXSAS (Persatuan Bekas Pelajar SEMSAS), terutama dalam

kalangan para pelajar, guru dan kakitangan sokongan SEMSAS pada era penubuhannya sehinggalah beliau meninggalkan SEMSAS pada awal tahun 1983.

Ayahanda dilahirkan pada 3 Ogos 1941 di Kampung Mengkasar, Pekan, Pahang. Kepeyahan hidup membesar dan menghadapi suasana getir pascaperang dunia kedua dan zaman penjajahan Jepun di Malaya telah membangkitkan semangat dalam dirinya untuk berusaha memperbaiki taraf kehidupan diri dan keluarganya. Setelah tamat pendidikan awal di Pekan, beliau berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan pelajarannya di peringkat HSC. Setelah tamat peperiksaan HSC, Ayahanda mengambil keputusan untuk memasuki Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Tanpa disedari, keputusan itu menjadi titik-tolak lakaran perjalanan kerjaya dan kehidupan yang *fulfilling* buat Ayahanda, walaupun pada asalnya menjadi guru tidak termasuk dalam senarai kerjaya pilihannya.

Ayahanda mula berkhidmat sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Ahmad (SMA) Pekan setelah menamatkan kursus perguruannya pada tahun 1965. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dan menamatkan pengajian di situ dengan memperoleh B.A. Hons in Malay Studies: Malay Literature, 2nd Class Upper pada tahun 1968 dan ditempatkan di sekolah yang sama semula. Melihatkan kepada kekurangan guru di sekolah tersebut, timbul kesedaran dan keazaman untuk berbakti mendidik anak bangsa. Lantaran itu, Ayahanda memilih untuk terus kekal dalam bidang perguruan dan telah menolak tawaran untuk meneruskan pengajian ke peringkat sarjana. Kerjayanya terus berkembang dari seorang Guru Penolong kepada Pengetua. Dalam tempoh perkhidmatan sebagai pengetua itulah beliau diberi amanah dan kepercayaan untuk mengetuai penubuhan dan pengurusan SEMSAS.

Ayahanda menerajui SEMSAS dengan cemerlang dan penuh dedikasi selama 10 tahun sebelum mengorak langkah seterusnya dalam kerjaya beliau. Ayahanda meninggalkan SEMSAS yang dicintainya dan menjawat pelbagai jawatan penting di dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau pernah dilantik dan bertugas sebagai Pegawai Pendidikan Daerah Pekan/Rompin, Pahang, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sekolah-Sekolah, Timbalan Pengarah, Jabatan Pendidikan Sarawak serta Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Jawatan terakhir yang disandang beliau sebelum persaraan mandatori pada tahun 1996 ialah Pengarah Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah bersara, Ayahanda pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Guru Malaysia Berhad.

Atas khidmat cemerlangnya, Ayahanda telah dikurniakan Anugerah Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.) dan Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Pada tahun 1983, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenan menganugerahkan Ahli Mangku Negara

(A.M.N) kepada beliau. Ayahanda juga pernah menerima penghargaan Tokoh Guru Wilayah Persekutuan pada tahun 2000.

Dalam kesibukan kerjanya, Ayahanda sempat juga mencuri masa untuk bergiat aktif dalam Pertubuhan Pengakap. Komitmen beliau dalam pertubuhan itu mendapat pengiktirafan sehingga pernah dilantik sebagai Pesuruhjaya Pengakap Daerah Pekan dan seterusnya Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Negeri Pahang serta dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Lama oleh Persekutuan Pengakap Malaysia. Setelah bersara, Ayahanda melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dan pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Masjid Salahuddin Al-Ayubi Taman Melati dan Penaung Persatuan Penduduk Kawasan 12A Taman Melati. Sehingga ke hari ini, Ayahanda adalah Pengerusi Koperasi Perumahan Guru-Guru Melayu Pahang Timur, Kuantan dan Penaung Seumur Hidup EXSAS.

Ayahanda Dato' Abdul Rahim telah bertemu jodoh dengan seorang wanita yang sangat istimewa buatnya, Bonda Datin Hajah Kamaliah binti Abdul Latif, yang juga merupakan seorang guru. Hasil perkahwinan tersebut, mereka telah dianugerahkan empat orang cahaya mata iaitu Nur Rahimah (Dr), Nur Ikram Hanim (Dr), Ahmad Hazim (Jurutera) dan Nur Wahidah Hanum (PTD).

Coretan 1: Susu Magnolia Berperisa Strawberi

Assalamualaikum,

TERIMA kasih kepada Exco EXSAS sesi 2010-2012 kerana telah menyediakan satu ruangan khas untuk Ayahanda berceloteh, yang Ayahanda namakan CORETAN SEMSAS.

Ramai ahli EXSAS mencadangkan supaya Ayahanda menulis memoir semasa Ayahanda di SEMSAS. Mereka menyarankan agar kenangan pahit maung, masam dan manis dirakamkan untuk mengimbau kembali kehidupan di situ yang mempengaruhi hidup kita sekarang.

Pada mulanya Ayahanda agak keberatan untuk memenuhi permintaan mereka. Ada beberapa sebab yang membuatkan Ayahanda berasa sedemikian. Insyallah Ayahanda akan coretkan sebab-sebab itu dalam keluaran akan datang. Sempena bulan Syawal yang mulia ini Ayahanda mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua EXSAS khususnya pengunjung sesawang ini.

Terbitnya celoteh sulung ini adalah juga hasil saranan bertalu-talu daripada *immediate past and present Presidents* Exco EXSAS. Mereka menyarankan sempena Syawal yang mulia, eloklah ruangan ini digerakkan. Ayahanda cuba tunaikan permintaan itu.

Bagi insan biasa, Ramadan dan Syawal meninggalkan banyak kesan dan kenangan. Bagi Ayahanda, Ramadan di SEMSAS sungguh bermakna dan membawa banyak kenangan. Berbagai-bagai aktiviti yang kita lakukan dan jalani. Kita ada tarawih, tadarus dan khatam Al-Quran. Secara kebetulan, selama sepuluh tahun di SEMSAS, kita menyambut Ramadan bersama-sama kerana Ramadan tidak pernah jatuh pada cuti panjang akhir tahun.

Antara kenangan Ramadan di SEMSAS yang masih segar di ingatan Ayahanda adalah apabila pengawas menangkap pelajar ponteng puasa. Kadang-kadang pengawas yang baik hati tidak membawa “pesalah” kepada Pengetua - kesian katanya. Maklumlah Pengetua terkenal dengan garangnya. Tetapi, adakalanya juga apabila sampai ke pejabat Pengetua, “pesalah” diberikan *warning* sahaja kerana Pengetua takut juga puasanya “kurus” kalau merotan. Kes-kes lepas ini adalah kes-kes yang ada alasan munasabah seperti demam, sakit perut dan sebagainya (walaupun kadang-kadang tipu juga tetapi mereka terlepas atas *benefit of doubt*). Anakanda semua boleh teka pesalah ponteng puasa yang mana yang tak lepas dari rembatan rotan? Tekaan anda tepat - iaitu mereka yang ponteng puasa kerana nak merokok.

Mengendalikan anak-anak dalam bulan puasa memang letih, apatah lagi kalau anak seramai 640 orang. Malah, pada satu ketika mencecah 800 orang. Lebih mencabar lagi mengejar yang ponteng tarawih. Ada yang bersembunyi dalam tandas dan ada yang pura-pura sakit.

Waktu bersahur banyak juga kisahnya. Warden-warden mengeluh sukarnya mengejutkan anak-kanak kecil (Tingkatan 1 dan 2) untuk bangun bersahur. Golongan ini kadang-kadang jadi mangsa kerana apabila mereka turun untuk bersahur (dah lewat) *share* mereka sudah *difaraidkan* oleh senior. Yang tinggal hanyalah susu magnolia berperisa strawberi - yang memang ramai tak suka dan tak biasa...

Coretan 2: Susu Magnolia Berperisa Strawberi (Bahagian Kedua)

BIASALAH, pada bulan puasa, ibu bapa yang anak-anak mereka berada di asrama pasti terkenang akan anak-anak mereka. Antara soalan yang sering bermain di kepala ibu-ibu terutamanya - apalah yang anak-anak mereka makan di bulan puasa ini, entah cukup entah tidak? Ibu-ibu yang anaknya berada di SEMSAS juga begitu.

Di asrama SEMSAS, para pelajar berbuka dengan tamar, sepotong kuih Melayu dan sajian nasi mengikut menu harian waktu makan tengah hari. Waktu moreh selepas tarawih, kuih Melayu mengikut menu minum petang disajikan dan untuk waktu sahur pula sajian nasi mengikut menu makan malam disediakan. Manalah cukup untuk tubuh yang sedang membesar?

Sekali-sekala adalah menu tambahan, seperti nasi minyak. Namun bagi sesetengah keluarga (tentunya dari golongan sederhana dan elit), ini masih belum mencukupi untuk anak-anak mereka yang sedang membesar. Maka, banyaklah Ayahanda mendapat teguran daripada mereka bahawa makanan yang disediakan itu tidak mencukupi. Sungguhpun begitu, ramai juga yang menganggap bahawa makanan yang mereka dapati adalah lebih baik daripada yang diharapkan.

Oleh sebab bimbangkan anak-anak mereka tak cukup *nutrition* sepanjang bulan puasa, ramai ibu bapa yang berkemampuan khususnya yang berada di sekitar Kuantan dan Pekan datang membawa juadah tambahan untuk anak-anak mereka pada setiap hujung minggu. Seminggu sekali disajikan menu tambahan dan *home-cooked meal*, tentunya ada kelebihannya - pertama memecah *monotonous* masakan kawah (mana nak lawan masakan ibu?) dan kedua, tentunya anak-anak mereka dapat makanan secukupnya, sekurang-kurangnya untuk hujung minggu itu.

Kasihannya anakanda-anakanda yang datang dari jauh, ibu bapa tak mungkin dapat datang saban hujung minggu membawa juadah yang menyelerakan. Pandang sahajalah. Namun anak-anak SEMSAS dididik dengan falsafah hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Mereka yang mendapat hidangan dari rumah biasanya dengan murah hati mempelawa kawan baik mereka untuk sama-sama merasa bekalan dari rumah itu. Ada juga jenis tidak mahu *sbare*. Kata orang takut tiris lalu tumpah. Apa yang terjadi? Ada dilaporkan kepada Ayahanda bahawa bekalan dari rumah ini di*hijack* oleh “kutu-kutu”, tinggal sedikit sahaja untuk tuan yang empunya! Pengetua senyap saja. Kasihan.

Golongan yang suka *hijack* ini sedikit sahaja - yang memang nakal. Yang ponteng puasa merekalah juga, yang ponteng tarawih, merekalah juga. Tetapi, nak marahkan mereka pun tak boleh juga. *Bottomlinenya* ialah memang mereka sedang membesar, dan hidangan yang disediakan hanya mematuhi piawai mencukupi untuk keperluan. Bagi pihak sekolah pula, apalah yang boleh Ayahanda buat dengan bajet RM1.90 sehari? - sama ada hari biasa atau bulan puasa.

Pada masa ini, SEMSAS baru setahun jagung. Sudah tentu wang lebihan dana asrama belum banyak berbanding dengan SBP yang sudah lama wujud. Mereka mempunyai wang lebihan yang terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya dengan begitu banyak dan mampu memberikan menu tambahan. SEMSAS pada kala itu hanya mampu memberikan Susu Magnolia Berperisa Strawberi. (Difahamkan susu ialah makanan yang lengkap dan mampu menahan dari lapar. Tak percaya? Kenapa yang mula-mula anakanda minta daripada ibu anakanda tatkala dilahirkan ialah susu?) Tak tahulah Ayahanda berapa ramai yang tak suka susu tersebut. Yang pasti, apa-apa yang diletak di atas meja habis dan kadangkala waktu *spot check*, terjumpa pula Susu Magnolia Berperisa Strawberi tersorok dalam *locker*. Wallahualam.

Coretan 3: Hadiah buat Nora

KITA hentikan kisah Susu Magnolia kerana ini merupakan *intro* sahaja. Dua episod terdahulu itu adalah kejadian bermula dari tahun kedua SEMSAS – di kampus sendiri di Jalan Gambang, Kuantan. Ayahanda percaya ramai ingin tahu sejarah penubuhan SEMSAS.

Pagi 29 November 1972, Ayahanda berada di sebuah kedai runcit di Kuantan, membeli peralatan *maternity*. Subuh itu, di Hospital Kuantan, Bonda telah melahirkan anak kami - Nora. Prosedur hospital pada masa itu ialah apa-apa sahaja item pakai buang yang digunakan waktu bersalin perlu diganti. Ayahanda dibekalkan satu senarai item yang perlu dibeli untuk diganti kepada pihak hospital walhal Bonda berada di wad kelas satu. Sedang membeli barang-barang itulah, Ayahanda terserempak dengan bekas guru Ayahanda yang pada masa itu menjadi Pengelora Sekolah Menengah di Pejabat Pelajaran Pahang.

Dialog antara *ex-teacher* dengan *ex-student* lebih kurang begini,

Ex-teacher : *Ab Rahim, lucky that I meet you here.*

Ex-student : *(Stunned). What about, Sir?* (dulu pelajar memanggilnya sebagai *sir*).

Ex-teacher : *Pengarah wants to see you, urgent.*

Ex-student : (Mula gabra. Malam tu sudahlah tak tidur, merengkok dalam Fiat 124 menunggu kedatangan Nora. Sekarang bos nak jumpa – *urgent*. Dalam hati tertanya-tanya apa halnya pulak? Jangan-jangan berlaku sesuatu di SMK Rompin. Maklumlah sudah tiga hari tinggalkan sekolah kerana berada di Kuantan. Waktu itu Ayahanda Pengetua SMK Rompin). *But Sir, I don't think I can see him today. My wife is in the hospital - just gave birth to a baby girl this morning. I have to attend to this first.*

Ex-teacher : *Oh! Congratulations. You attend that first and see the Pengarah this afternoon.*

Ex-student : (Bengang). *Yes Sir.* Dan, *Sir* pun berlalu.

Selesai urusan di hospital, dan setelah memberitahu Bonda, tengah hari itu Ayahanda pun pergilah ke Pejabat Pelajaran.

“Pengarah *is expecting you* Encik Rahim,” kata pembantu peribadi (P.A) Pengarah. Oleh sebab tiada tetamu lain, P.A. pun mengiringi Ayahanda masuk ke bilik Pengarah.

Sebenarnya sudah lupa perasaan masa itu. Takut ke? Risau ke? Tak tahulah. Tapi apabila nampak Pengarah senyum, hilang rasa cemas.

“*So, you got a baby girl, congratulations. Sit down.*” Pengarah menyapa dan memulakan bicara.

Sambil duduk Ayahanda berkata, “Mr. Ghosh *said you wanted to see me*, Tuan.” (Mr. Ghosh itu ialah *ex-teacher* yang dimaksudkan tadi).

Pengarah, Encik Tan Boon Lin (kini Datuk Tan Boon Lin), setelah bertanya khabar hal diri, keluarga dan perkembangan di SMK Rompin, terus melepaskan “bom”.

“*Yes, yes, I want you to go back to Rompin as soon as possible, tidy-up your work and hand over to your Senior Assistant,*” kata Pengarah.

Ayahanda panik, tadi Pengarah senyum-senyum, kini lain macam pulak bunyinya, (sahlah ada kesilapan yang dilakukan, nak siap *hand-over note* tu ertinya kena tukarlah).

“Kenapa, Tuan?” terpancut soalan yang tidak disangka.

“*You are going to Temerloh to start a new school.* Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) *has picked you to start this new school* - Sekolah Menengah Sains (SMS).”

Memang dalam kalangan kami pernah mendengar Pahang akan mendapat sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) tetapi kita

tak tahu tarikh dan tempat sekolah akan didirikan. Beberapa nama telah disebut-sebut akan dilantik sebagai Pengetua pertama – *except my name*. Pengarah memberitahu bahawa kerja-kerja pembinaan sekolah tersebut baru nak bermula di Batu 8, Jalan Gambang, Kuantan sedangkan sekolah mesti beroperasi pada 1 Januari 1973. Oleh itu, Pengarah memberitahu bahawa **Sekolah Menengah Sains Pahang (SMSP)**, iaitu nama yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran, akan menumpang di Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh (SMAB) sehingga bangunannya sendiri siap dibina.

Ayahanda hanya mampu tunduk, bermacam-macam perkara timbul dalam fikiran - isteri dan anak di hospital, balik segera ke Rompin, kemas kini urusan sekolah, siapkan *handover note*, kemas barang-barang seorang diri untuk pindah ke Temerloh, mulakan sekolah baru.

Tanpa menunggu jawapan atau reaksi Ayahanda, Pengarah mengeluarkan dari laci mejanya sehelai kertas mengandungi senarai nama pelajar yang telah dipilih untuk masuk ke Tingkatan 1, SMSP bermula 1 Januari 1973 itu dan menyerahkannya kepada Ayahanda.

“These are the children chosen to be the pioneers - 219 in all,” kata Pengarah.


Kemudian Pengarah menyerahkan pula dua keping stensil. Dulu mesin fotostat belum luas penggunaannya. Kebanyakan pejabat kerajaan tidak mempunyai mesin itu. Tidak seperti sekarang, mesin fotostat merupakan kemestian di setiap sekolah dan pejabat kerajaan, walau sekecil mana sekalipun. Senangnya kerja orang sekarang! Untuk membanyakkan salinan, dokumen perlu ditaip pada stensil. Stensil yang sudah ditaip itu kemudiannya dipasang pada satu mesin penggelek. Oleh sebab jenama mesin penggelek yang popular pada masa itu adalah Gestetner, maka melekatlah rujukannya sebagai “menggestetner” – yakni apabila nak membanyakkan satu-satu dokumen, contohnya kertas soalan,

dikatakan “nak menggestetner kertas soalan”. Serupalah dulu apabila jenama mesin fotostat yang ada dan popular ialah Xerox, semua orang apabila nak fotostat dokumen, dikatakan “Nak xerox nota”.

Dulu, kini dan selamanya begitulah - bekas ais krim ke, bekas taufufa ke, orang Melayu sebut tapaway (*Tupperware*).

Berbalik kepada stensil yang Pengarah beri kepada Ayahanda tadi, satunya ialah “Surat Tawaran Masuk Ke Sekolah Menengah Sains Pahang”, dan satu lagi “Senarai Keperluan Untuk Masuk Ke Sekolah Berasrama Penuh”. Tugas pertama Ayahanda ialah “menggestetner” kedua-dua dokumen ini dan mengirimkan kepada 219 pelajar lelaki dan perempuan yang bertuah yang telah dipilih menjadi pelajar *pioneer* SMSP.

CORETAN SEMSAS



Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Hamid adalah individu yang instrumental dalam penubuhan Sekolah Menengah Berasrama Penuh yang pertama di negeri Pahang iaitu Sekolah Menengah Sains Pahang (SMSP) yang kemudiannya diberi nama Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SEMSAS).

Dato' Haji Abdul Rahim terkenal dengan panggilan mesra Ayahanda dalam lingkungan keluarga besar SEMSAS-EXSAS (Persatuan Bekas Pelajar SEMSAS), terutama dalam kalangan para pelajar, guru dan kakitangan sokongan SEMSAS pada era penubuhannya sehinggalah beliau meninggalkan SEMSAS pada awal tahun 1983.

Ayahanda dilahirkan pada 3 Ogos 1941 di Kampung Mengkasar, Pekan, Pahang. Keparahan hidup membesar dan menghadapi suasana getir pascaperang dunia kedua dan zaman penjajahan Jepun di Malaya telah membangkitkan semangat dalam dirinya untuk berusaha membaiki taraf kehidupan diri dan keluarganya. Setelah tamat pendidikan awal di Pekan, beliau berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan pelajarannya di peringkat HSC. Setelah tamat peperiksaan HSC, Ayahanda mengambil keputusan untuk memasuki Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Tanpa disedari, keputusan itu menjadi titik-tolak lakaran perjalanan kerjaya dan kehidupan yang fulfilling buat Ayahanda, walaupun pada asalnya menjadi guru tidak termasuk dalam senarai kerjaya pilihannya.

Harga : RM25.00



Penerbit :
PERSATUAN BEKAS PELAJAR SEMSAS
(EXSAS)

ISBN 978-629-97974-0-1



9 786299 797401

